

25/12/2000

Ke mana menghilang penyair Malaysia

Razali Mohd Yussof

HARI Puisi Nasional ke XV berlangsung pada 3 hingga 6 November 2000 di Langkawi, Kedah Darul Aman, bertempat di Kampung Tok Senik Resort. Walaupun tarikhnya sering tertunda namun atas rasa dan semangat puisi itu sendiri, tarikh keramat itu tetap dinantikan dengan penuh sabar dan debar.

Dengan tajaan Kerajaan Negeri Kedah, perhimpunan ini diselenggarakan oleh Gabungan Persatuan Nasional Malaysia (Gapena), Majlis Kebudayaan Negeri Kedah, Angkatan Sasterawan Nasional Kedah (Asasi) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Lembaga Pembangun Langkawi-Kedah (Lada) dan Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Hari Puisi Nasional yang dimulai sejak 1971 di Pantai Kundur, Melaka, diikuti Kuala Lumpur (1972), Kelang (1974), Melaka (1975), Kota Bharu (1981), Sarawak (1984), Kota Kinabalu (1987), Kuala Terengganu (1988), Pulau Pinang (1991), Johor Bharu (1995) dan akhir sekali di Seremban (1999).

Bagaimanapun perhimpunan pada tahun ini sangat berprestij apabila ia diadakan di 'kampung' bertaraf lima bintang dan perasmiannya disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Sesuai dengan temanya 'Penyair dan era siber', Perdana Menteri menaruh harapan tinggi supaya karyawan menyuntik dan merangsang minda dan semangat bangsa dalam membentuk masyarakat ke arah kesejahteraan dan kemajuan.

Tinta penulis lembut dan tajam seperti pada malam pembukaan dan penganugerahan Penyair Gapena ke-6 kepada Bapak Affrini Adham yang dimahkotakan oleh Perdana Menteri. Betapa menusuknya suara pendeklamator negara melaungkan 'Warga Berjiwa Besar'.

Bukan mudah untuk memenangi hati Perdana Menteri yang cukup dikenali dengan sifat tenang dan tegasnya. Namun dengan suara dan alun senandung puitis itu berjaya melenturkan kalbu Perdana Menteri untuk terus menghayati puisi berkenaan dengan sejalur keharuan. Begitulah bisa dan mesra tinta penyair. Lembut tapi tajam. Keras tapi tenteram.

Perhimpunan bersejarah tahun ini lebih berbau Nusantara kerana ia turut disertai rakan penyair dari Indonesia, Thailand, Brunei, Filipina dan Singapura. Juga tidak ketinggalan dari United Kingdom dan Afrika Selatan. Pelbagai program diatur dengan begitu terancang untuk dimanfaatkan kepada seluruh warga peserta agar kehadiran mereka di tanah tersumpah tujuh keturunan ini meninggalkan kenangan.

Peserta berkesempataan menyaksikan Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa), meninjau daerah keilmuan Kampung Buku dan menjengah ke Gedung Galeri Perdana yang cukup khas, sentuhan rasa dari Perdana Menteri menempatkan sebahagian besar pemberian cenderamata/cenderahati yang diterima dari dalam dan luar negara.

Tidak dapat dinafikan dalam melaksanakan tugas yang besar, seperti luasnya tapak perkampungan Tok Senik ini, sudah pasti ada beberapa kepincangan kecil yang tidak disengajakan.

Seperti kata Dr Yusmar Yusuf dari Pekan baru "Biasa ini sesuatu yang sangat biasa buat kami, malah kadangkala lebih teruk, walaupun programnya tidak sehebat ini, dengan kami tidak usah bimbang kami cukup mengerti, malah amat bersimpati jika ada suara sumbang dibelakang." Begitulah pengakuan ikhlas Dr Yusmar. Bagi saya kalau pahat berbunyi setelah rumah siap, itu adalah lumrah keghairahan manusia untuk memeriahkan suasana keharmonian kekeluargaan. Kalau tidak kita akan terus dimamah kesepian dan

kerinduan.

Setelah empat hari tiga malam menikmati kemesraan di Tok Senik, menjalin ikatan yang akrab dan menimba pengalaman bersama penyair tua dan muda, kecil dan besar, luar dan dalam, saya memperoleh sesuatu yang amat berharga. Kecil tapi besar bagi saya yang baru melangkah ke kebun puisi ini. Namun demikian sewaktu dalam feri meninggalkan pulau legenda Mahsuri menghala ke Kuala Kedah, satu pertanyaan kecil melintas di ruang mata. Semakin jauh jeti Kuah ditinggalkan, semakin dekat bisikan rintihan itu:

Kemanakah hilangnya penyair yang telah mewarnai dunia puisi tanah air. Di mana Baha Zain, Muhammad Salleh, Mahsuri SN, Firdaus Abdullah, Zam Ismail, Suhaimi Mohamad, Khalid Salleh, A Rahim Abdullah, Sutung Umar RS, A Ghani Abdullah, A Ghafar Ibrahim, Ahmad Razali, Zurinah Hassan, Mahaya Yassin, Sairah Antin, Rohayah Hamid dan beberapa nama lagi yang sekejap ada dan sekejap hilang dalam ingatan saya. Alangkah meriahnya kalau kerabat di atas turut bersama berkampung di bumi Mahsuri ini.